

\al-Ustaz Hassan bin Ahmad yang lebih terkenal dengan nama Hassan Bandung. Pendapat-pendapat yang dibawa oleh ustaz itu yang berfaham di dalam lingkungan *atbā'a al-sunnah* telah dibesar-besarkan pula dengan seolah-olah menyatakan pendapat itu salah dan bertentangan dengan Islam yang berdasarkan kepada Kitab Allah dan Sunnah.

Harian itu seolah-seolah melupakan bahawa dipersoalan-persoalan ini telah pun pernah merebak panjang berbulan-bulan dan tatkala kerajaan Johor, dalam masa hayat Mufti Johor Dato' Syedd Alwi bin Tahir al-Haddad mengharamkannya, pihak Qalam telah cuba mengadakan majlis *munāẓarah* atau *mudhākarah* di antara al-Marhum Ustaz Hassan Bandung dengan Mufti Johor, Syed Alwi bin Tahir al-Haddad, tetapi malangnya Mufti Johor akhirnya enggan dan tidak mau berbahas di dalam soal yang tersebut bahkan mau berbahas di dalam soal lain yang tidak ada kena mengena di dalam soal yang tersebut.

Kemudian persoalan reda tetapi sekarang ditimbulkan pula oleh harian yang tersebut – seolah-olah dengan tujuan tidak lagi mau membawa ketenangan kepada masyarakat Islam dan seolah-olah menghendaki supaya masyarakat Islam tidak tenang.

Pemangku Mufti Johor sendiri, Datuk Dr.

Abdul Jalil bin Hassan di dalam kenyataan kepada Berita Harian menyatakan bahawa beliau tidak dapat menafikan bahawa pendapat Kiyai Hassan Bandung itu merupakan masalah *khilāfiyyah* sedang sebabnya kitab itu diharamkan hanya berdasarkan takut akan merosakkan iktikad orang-orang Islam di negeri Johor.

Sebenarnya hujah-hujah di dalam persoalan ini telah banyak ditulis dan dibahas – masing-masing berpegang kepada

keyakinan dan berdasarkan kitab-kitab yang muktamad sehingga bagaimana cara menyembelih ular pun telah ditunjukkan yang semuanya ada dilakukan – jadi mengapa persoalan lama diungkit-ungkit?

Berjaga-jagalah atas anasir-anasir yang memecahkan perpaduan umat Islam yang nampaknya dijadikan alat oleh sesuatu golongan yang tertentu!

Buku-buku Bacaan Singapura

Di dalam Siaran Kementerian Pelajaran Singapura ada menentukan buku-buku bacaan yang boleh digunakan untuk sekolah-sekolah di Singapura. Mana-mana buku yang tidak termasuk di dalam senarai Siaran itu tidaklah boleh digunakan. Ia hanya boleh digunakan kalau guru-guru menghendakinya dengan diberi beberapa syarat yang mesti dikemukakan terlebih dahulu kepada Kementerian Pelajaran itu.

Langkah ini tentunya ada baiknya kerana mengawal daripada menggunakan buku-buku yang boleh merosakkan atau bertentangan dengan dasar kerajaan, tetapi yang sangat mendukacitakan, terutamanya penerbit-penerbit, bahawa di antara buku-buku yang dikemukakan itu khabarnya ada yang belum pun diterbitkan lagi atau pun ada bukunya tetapi belum semuanya lengkap.

Orang-orang tentu berfikir bagaimana Kementerian boleh mengesyorkan menggunakan sesebuah buku sedang buku itu belum terbit lagi. Inilah perkara kemasukan rakyat kerana jika buku ini disorkan³ sedang buku-buku lain tidak boleh dan buku itu tidak ada pasaran maka tentunya yang demikian ini merungsingkan ibu bapa kerana tidak ada buku yang bakal dipakai.

³ Perkataan sebenar ialah disyorkan